



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**17 November 2024
15 Jumadilawal 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Nelayan terpaksa ikat perut setiap kali musim tengkujuh
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Wilayahku [Online]	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	31	17-11-2024

Setiap kali tiba musim tengkujuh, golongan nelayan antara yang paling terkesan dengan faktor cuaca itu kerana mereka tidak dapat turun ke laut sekali gus hilang punca pendapatan.

Bagi nelayan, terutama nelayan bot-bot kecil, tempoh Monsun Timur Laut (MTL) antara November hingga Mac setiap tahun satu tempoh getir buat mereka kerana ada yang terpaksa mengikat perut.

Wartawan *Sinar Harian* NIK AMIRULMU' MIN NIK MIN menyelami keresahan nelayan dari Balok, Kuantan yang akan berdepan cabaran musim tengkujuh.

Nelayan terpaksa ikat perut setiap kali musim tengkujuh

Kali tiba musim tengkujuh.

Katanya, paling utama adalah masalah kewangan kerana dia dan rata-rata nelayan terpaksa 'simpan bot' sekali gus terputus sumber pendapatan untuk menampung perbelanjaan keluarga.

"Sewa rumah, bil api dan air tertunggak itu perkara biasa berlaku apabila tidak dapat ke laut dalam tempoh agak panjang.

"Kadang-kadang terpaksa sentuh wang simpanan untuk menampung keperluan termasuk makan minum dan keperluan keluarga yang lain," katanya yang masih menyara dua anak termasuk seorang di universiti.

Bapa kepada tiga anak itu berkata, dia bergantung sepenuhnya kepada laut untuk mencari rezeki.

"Hendak buat kerja lain tak pandai apatah lagi dalam usia seperti sekarang tiada yang mahu gajikan kita sebagai pekerja.

"Kadang-kadang beralih ke sungai cari lokan dan siput sedut



Bot-bot milik nelayan yang berlabuh di Jeti Nelayan Balok masih ke laut seperti biasa ketika ini walaupun telah memasuki permulaan MTL.

Rata-rata nelayan yang ditemui mengakui resah setiap kali bermulanya musim tengkujuh namun mereka tiada pilihan selain terpaksa melalui tempoh getir itu dengan 1,001 macam kesulitan.

Bagi Zakaria Harun, 52, yang menjadi nelayan sejak 38 tahun lalu berkata, istilah mengikat perut sudah sebatu dengan nasib nelayan kecil sepertinya setiap

untuk dijual dengan pendapatan tidak seberapa selain menggunakan kesempatan rehat musim tengkujuh membaiki jaring dan peralatan menangkap ikan lain," katanya.

Berbeza bagi Zainal Mohd Zin, 35, dia tetap akan turun ke laut walaupun pada musim tengkujuh sekiranya keadaan mengizinkan.

Katanya, selagi boleh dia tetap turun ke laut walaupun sedar risiko bahaya dihadapi.

"Terpaksa turun walaupun nyawa jadi taruhan demi sesuap nasi untuk keluarga.

"Sekarang sudah masuk permulaan monsun, kami nelayan kecil masih ke laut sementara menunggu kemuncak musim.

Biasanya tempoh dua bulan kemuncak kami akan menyerah kalah kerana keadaan laut bergelombang dan terlalu bahaya bagi nelayan," katanya.

Zainal berkata, lebih membebankan dia tidak menerima bantuan bulanan RM300 seperti nelayan lain.

"Beban ditanggung agak



ZAKARIA

ZAINAL

SULONG

berat kerana bot digunakan masih ada hutang yang perlu dibayar tiap bulan.

"Saya tiada pilihan, apabila keadaan mengizinkan saya tetap akan turun ke laut dengan pelbagai pertimbangan untuk cari wang belanja," kata bapa kepada empat anak itu.

Zainal yang tinggal menyewa mengaku pernah mengalami sewa rumah tertunggak kerana tidak dapat turun ke laut namun sedikit lega apabila tuan rumah memahami kesulitan dihadapinya.

"Situasi sukar yang pernah dilalui ini menyedarkan saya supaya lebih bersedia dengan

menyimpan sebahagian hasil pendapatan untuk kegunaan waktu terdesak," ujarnya.

Sementara itu, Sulong Muda, 79, pula berkata, tidak semua nelayan akan simpan bot sepanjang musim tengkujuh.

Dia sendiri walaupun sudah lanjut usia tetap turun ke laut selagi keadaan mengizinkan dan biasanya tidak bersendirian.

"Tetap cari celah-celah peluang turun ke laut supaya dapur berasap.

Kalau tidak dapat ke laut, saya akan menjaja ikan belianak di tepi-tepi pantai untuk dijual," kata warga emas yang sudah 60 tahun menjadi nelayan ini.



Rata-rata nelayan berkata pada musim MTL waktu itu akan digunakan untuk membaiki jaring yang rosak, namun tetap ada yang turun ke laut sekiranya keadaan mengizinkan demi periuk nasi keluarga.